Panduan Pengisian Borang Permohonan Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN) RMKe11 Tahun 2018

1.0 Pengenalan

Dalam usaha meningkatkan pembangunan modal insan ke arah negara maju, Kerajaan melalui RMKe-11 telah menyediakan dua inisiatif baharu iaitu program SLDN Khas dan program Peningkatan Tahap Kemahiran yang dikawal selia oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran.

a) **SLDN Khas** - SLDN Khas merupakan satu inisiatif kerajaan untuk memberi latihan kemahiran kepada **lepasan sekolah dan penganggur yang belum memiliki Sijil Kemahiran Malaysia (SKM)**. Ianya akan memberi manfaat kepada golongan berkenaan untuk memasuki pasaran tenaga kerja di mana dengan memiliki kemahiran akan menjadi satu nilai tambah kebolehpasaran seseorang individu.

b) **SLDN Peningkatan Tahap Kemahiran** - SLDN Peningkatan Tahap Kemahiran merupakan program latihan kemahiran yang disediakan kepada masyarakat khususnya kepada golongan yang **memiliki kelayakan kemahiran pada tahap rendah atau pekerja industri yang tidak memiliki kelayakan kemahiran**. Program ini dapat memberi manfaat kepada golongan tersebut untuk mempertingkatkan kelayakan kemahiran dan pengiktirafan sebagai pekerja mahir.

2.0 Tempoh Latihan

Tempoh latihan adalah antara 6 hingga 16 bulan bergantung kepada program yang ditawarkan.

3.0 Program Latihan

Semua program NOSS yang dibenarkan untuk dijalankan melalui kaedah SLDN.

4.0 Syarat Permohonan

a) Permohonan adalah terbuka kepada Pusat Latihan SLDN yang telah ditauliahkan sahaja.
b) Tempoh pentauliahan Pusat Latihan SLDN bagi program yang dipohon adalah masih sah.
c) Pusat Latihan SLDN hendaklah mempunyai syarikat kerjasama yang bersesuaian dengan program yang akan dijalankan.
d) Pusat Latihan SLDN telah berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia di bawah kod bidang 221110/205502 (Khidmat Latihan, Tenaga Pengajar dan Moderator/Negotiator) dan masih sahlaku semasa memohon. Syarat ini dikecualikan bagi agensi kerajaan.

5.0 Kriteria Perantis

a) Berumur sekurang-kurangnya 16 tahun dan ke atas.
b) Warganegara Malaysia.
c) SLDN Peningkatan Tahap - Pekerja industri atau pemegang SKM yang ingin meningkatkan tahap kelayakan kemahiran.
d) SLDN Khas - Terbuka kepada lepasan sekolah atau penganggur yang ingin memiliki SKM.
e) Calon perantis tidak boleh terdiri daripada individu yang sama bagi kedua-dua program latihan (c) dan (d).

6.0 Panduan Pengisian Borang Permohonan SLDN RMKe-11 Tahun 2017

a) Sila gunakan pelayar Mozilla Firefox atau Internet Explorer sahaja
b) Ruangan bertanda (*) adalah wajib diisi kecuali dimaklumkan sebaliknya.
c) Sila isi borang mengikut negeri dan alamat URL adalah seperti berikut.


BIL.	NEGERI	ALAMAT URL
1	Sarawak	https://form.jotform.me/daftarsarawak/SLDN2018
2	Sabah & Labuan	https://form.jotform.me/daftarsabah/SLDN2018
3	Johor	https://form.jotform.me/daftarjohor/SLDN2018
4	Melaka & Negeri Sembilan	https://form.jotform.me/daftarmn9/SLDN2018
5	Kelantan	https://form.jotform.me/daftarkelantan/SLDN2018
6	Terengganu	https://form.jotform.me/daftarterengganu/SLDN2018
7	Pahang	https://form.jotform.me/daftarpahang/SLDN2018
8	Pulau Pinang	https://form.jotform.me/daftarpenang/SLDN2018
9	Kedah & Perlis	https://form.jotform.me/daftarkedah/SLDN2018
10	Selangor	https://form.jotform.me/daftartengah/SLDN2018
11	KL & Putrajaya	https://form.jotform.me/daftarwp/SLDN2018
12	Perak	https://form.jotform.me/daftarperak/SLDN2018

6.1) Perakuan Pemohon Mengenai Iklan Penawaran




Sila baca dan fahami penyataan sebelum klik butang Seterusnya.

6.2) Maklumat Pusat Latihan



Masukkan maklumat Kod Pusat Latihan SLDN dan Nama Pusat Latihan SLDN seperti di dalam Sijil Pentauliahan Pusat Latihan SLDN. Sila pastikan maklumat adalah betul. Kesilapan maklumat boleh menyebabkan permohonan tidak dapat diproses.

6.3) Maklumat Penyelaras Program



Masukkan maklumat Penyelaras SLDN. Sila masukkan alamat emel yang betul dan masih aktif kerana salinan permohonan akan dihantar ke alamat emel tersebut. Emel Yahoo adalah tidak digalakkan.


6.4) Maklumat Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat Kementerian Kewangan Malaysia



Ruangan ini adalah wajib diisi.


5.4.1) Sekiranya Pusat Latihan anda adalah agensi Kerajaan, sila klik Ya. Klik butang Seterusnya.

5.4.2) Sekiranya Pusat Latihan anda bukan agensi Kerajaan, sila klik Tidak. Skrin berikut akan dipaparkan.



Sila masukkan maklumat Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat Kementerian Kewangan Malaysia di bawah Kod Bidang 221110 / 220502.


6.5) Maklumat Pendaftaran Penyedia Latihan Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK)



Ruangan ini adalah wajib diisi.


6.5.1) Sekiranya Pusat Latihan anda belum berdaftar dengan PTPK, sila klik Tidak. Klik Seterusnya untuk ke halaman berikutnya.

6.5.2) Sekiranya Pusat Latihan anda telah berdaftar dengan PTPK, sila klik Ya. Skrin berikut akan dipaparkan.



Sila masukkan No. Siri Akuan Pendaftaran PTPK. Klik Seterusnya.

6.6) Maklumat Program



6.6.1) Butiran Permohonan Program

Masukkan butiran Kod Program NOSS, Nama Program dan Jenis SLDN. Sila isi hanya **SATU** program untuk setiap baris. Bagi permohonan program *single-tier*, sila isikan kesemua kod program pada baris yang sama dan perlu diasingkan menggunakan (/) seperti contoh TA-011-1/2:2012. Program *single-tier* yang dibenarkan hanya bagi program Tahap 1 dan 2 sahaja. Klik tambah untuk penambahan program. Klik hapus untuk hapuskan data.

6.6.2) Butiran Syarikat Kerjasama

Sila masukkan kod program NOSS seperti yang telah diisi pada 6.6.1, maklumat syarikat kerjasama dan kuota dipohon. Kuota dipohon adalah bermaksud bilangan perantis yang ingin dilatih oleh Pusat Latihan. Kod syarikat SLDN diisi jika syarikat telah mempunyai pentauliahan SLDN sahaja.

Pusat Latihan yang mempunyai perantis dan sedang menjalankan latihan boleh mengemukakan permohonan kuota untuk tahun 2018. Tawaran kuota boleh dipertimbangkan seperti berikut;


i. Pusat Latihan mengemukakan jadual pelaksanaan latihan untuk kumpulan perantis yang berbeza tanpa ada pertindihan.
ii. Mempunyai syarikat kerjasama lain yang dapat menampung tambahan bilangan perantis

Tawaran kuota akan diberikan kepada Pusat Latihan sebaik sahaja program tamat sekiranya syarat di atas dipenuhi.

6.6.3) Penugasan Personel Mengikut Kod Program

Sila masukkan kod program NOSS seperti yang telah diisi pada 6.6.1, nama Pengajar dan *Coach* beserta maklumat program yang ditugaskan. Nisbah *Coach* kepada perantis 1:5 dan nisbah Pengajar kepada perantis 1:25 mestilah dipenuhi merujuk kepada kuota yang dipohon. Nama *Coach* dan nama Pengajar perlu dipisahkan dengan (;) sekiranya melebihi daripada seorang.


6.7) Pengalaman Pelaksanaan SLDN Terdahulu (2011-2018)



6.7.1) Sekiranya Pusat Latihan anda mempunyai pengalaman dalam pelaksanaan SLDN, sila klik Ya. Masukkan maklumat kod program NOSS, tahun pelaksanaan, bilangan perantis berdaftar, bilangan perantis yang sedang menjalani latihan dan bilangan perantis yang telah dipersijilkan.

6.7.2) Sekiranya Pusat Latihan anda tidak mempunyai pengalaman menjalankan SLDN, klik Tidak. Klik butang Seterusnya.

6.8) Perakuan Pemohon




Masukkan nama, no. kad pengenalan, jawatan dan no. telefon pemohon beserta tarikh.

Sila klik cetak. Pastikan borang telah dicetak sebelum dihantar. Sila tandatangan dan cap rasmi Pusat Latihan pada ruangan yang telah disediakan setelah borang dicetak.

Klik Ya setelah cetak dan klik Seterusnya.

6.9) Penghantaran Dokumen



Pilih dokumen yang berkaitan dan klik hantar. Dokumen lengkap perlu dihantar dalam tempoh tujuh (7) hari dari tarikh permohonan *online* ke Pejabat JPK Wilayah.

Skrin berikut akan dipaparkan setelah butang Hantar diklik.



Salinan permohonan akan dihantar ke alamat emel Pusat Latihan yang telah dinyatakan di dalam borang tersebut.

6.10) Kemaskini Permohonan

Permohonan boleh dikemaskini melalui *link* yang diberikan melalui emel setelah pengisian kali pertama dibuat. Pusat Latihan boleh mengemaskini permohonan sebelum tarikh tutup iklan, walau bagaimanapun permohonan yang akan diproses dan dinilai adalah berdasarkan permohonan yang diterima secara fizikal (*hardcopy*) oleh Pejabat JPK Wilayah